

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR - BN]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 21)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan “Laman Belia” di kawasan Parlimen Kangar yang berfungsi sebagai platform kepada golongan belia melakukan aktiviti riadah dan sukan serta rekreasi di sebuah kawasan khas serta boleh dijadikan sebagai model sekiranya ia berjaya menjadi tempat berkumpul secara sihat golongan muda masa kini.

serta diesel di bawah mekanisme apungan terurus minyak petrol meskipun negara menghadapi gangguan bekalan makanan akibat banjir di beberapa negeri. Peningkatan inflasi semakin perlahan pada bulan Februari kepada 0.1% berikutan penurunan harga minyak. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat sedikit pada bulan Mac kepada 0.9% dengan penyelarasan harga minyak sebanyak 25 sen seliter pada 1 Mac 2015. Dengan mengambil kira perkembangan terkini, kadar inflasi negara bagi tahun 2015 diunjurkan akan berada dalam lingkungan 2%-3%. Sehingga kini, inflasi masih berada pada paras yang terkawal.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian telah menyediakan Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perlis yang turut berfungsi sebagai Laman Belia dan pusat setempat (*one stop centre*) serta menyediakan tempat pelaksanaan aktiviti di kalangan belia seperti gimnasium rakyat, gelanggang badminton, bilik mesyuarat dan sebagainya. Pada masa yang sama, Kementerian sedang dalam usaha kajian untuk mentransformasikan kompleks-kompleks belia dan sukan sedia ada seluruh Malaysia agar mengikut trend dan cita rasa belia masa kini dan menjadi tempat berkumpul secara sihat golongan muda masa kini.

Sekian, terima kasih.